

## Banteras budaya vape dalam kalangan remaja, wanita

**Vape** atau rokok elektronik semakin mendapat perhatian ramai untuk mencubanya bukan saja dalam kalangan remaja, tetapi wanita dan kanak-kanak.

Cukup mengecewakan apabila wanita, terutama yang masih muda tidak segan silu menghembus asap daripada sedutan rokok elektronik ini di tempat awam.

Rokok elektronik ini pada asalnya diperkenalkan sebagai kaedah selamat bagi mengelak ketagihan atau tabiat rokok biasa yang mengandungi bahan kimia beracun termasuk nikotin.

Vape kononnya dikatakan lebih selamat kerana bebas nikotin. Malangnya, penggunaannya semakin berubah apabila ada rokok elektronik ini dikatakan menggunakan cecair mengandungi dadah.

Lebih membimbangkan isi kandungan cecair yang digunakan bagi vape diragui kerana kebanyakannya tidak mengandungi sebarang label atau maklumat isi kandungan.

Keunikan dan saiz vape yang semakin kecil serta harganya yang murah turut menarik perhatian anak muda termasuk remaja untuk menjadikan vape sebagai kegilaan terbaru mereka.

Jika kita berada di tempat awam, terutama restoran dan kedai makan, boleh didapati wanita juga tidak terkecuali menggunakan vape.

Lebih memalukan ada juga dalam kalangan wanita muda berhijab yang dilihat menghisap rokok elektronik ini berani melakukannya secara terbuka di tempat awam.

Sudah hilang kesopanan wanita kita yang sepatutnya kaya dengan nilai dan adat ketimuran apabila mereka tidak lagi menjaga batasan pergaulan. Malah dengan bangga melepaskan asap vape ketika di khalayak umum.

Fenomena vape dalam kalangan wanita muda bukan saja bertentangan dengan adat, tetapi juga tidak mematuhi dasar yang ditetapkan Kementerian Kesihatan untuk menjadikan negara ini bebas daripada sebarang amalan merokok.

Sewajarnya penggunaan vape perlu dikaji dan diperhalusi kerana perbuatan itu bukan saja merosakkan kesihatan golongan muda, tetapi menjejaskan keharmonian masyarakat secara keseluruhannya.